

1,000 sambut ketibaan baginda di Pelabuhan Tanjung Langsat

# Sultan Ibrahim rasmi dermaga kargo TLP

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
utusanjohor@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** 20 Jun - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mencemar duli melancarkan operasi Dermaga Kargo Khas Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. (TLP), bersempena Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2011 yang singgah di Pasir Gudang, dekat sini hari ini.

Sebagai simbolik pelancaran, baginda mengendalikan *Jumbo Reel Stadle Carrier* milik Asiaflex Products Sdn. Bhd. (Technip), yang berfungsi sebagai jentera pengangkat *flexible pipe reel*.

Terdahulu, baginda yang menunggang motosikal berkuasa tinggi bersama 20 motosikal pengiring tiba di Pelabuhan Tanjung Langsat dan disambut oleh kira-kira 1,000 orang selepas bertolak dari jeti KD Sultan Ismail (KDSI), Kota Tinggi, awal pagi ini.

Turut mengiringi Sultan Johor ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Setiausaha Kerajaan negeri, Obet Tawil dan Pegawai Daerah Johor Bahru, Burhan Amin.

Tunku Ismail turut menyampaikan replika kunci rumah kepada 12 penerima Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di kawasan Gelang Patah, Nusajaya.

Kemudian baginda mendengar taklimat mengenai operasi pelabuhan tersebut oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Kamaruzzaman Abu Kassim.

Sementara itu, Kamaruzzaman



dalam satu kenyataan berkata, dermaga khas yang mula dibina pada 2008 tersebut mampu menampung kapasiti seberat 40,000 tan berat kering (DWT) dengan panjang keseluruhan 400 meter.

Katanya, dermaga itu untuk memberi kemudahan kepada dua buah syarikat bertaraf dunia iaitu Technip dari Perancis dan Kiswire Neptune Sdn. Bhd. (Kiswire) dari Korea Selatan.

"Kiswire bakal menggunakan sepenuhnya kemudahan di Dermaga Kargo Khas TLP bagi mengendalikan produk berasaskan *steel wire rope*. Kedua-dua syarikat itu dijangka mampu mengendalikan kargo seberat 20,000 hingga 150,000 tan metrik setiap tahun.

"TLP menjangkakan peningkatan berperingkat dalam pengendalian kargo sehingga 900,000 tan metrik setahun melalui perjanjian sewa beli tanah seluas 350 ekar (141.6 hektar) oleh JCorp dengan sebuah syarikat dari Sepanyol iaitu Bahru Stainless Sdn. Bhd. (Acerinox) bagi pengendalian produk berasas keluli," katanya.

KMJ 2011 selama empat hari yang bermula kelmarin di Jeti Istana Tan-



SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar bersalaman dengan rakyat jelata di Pelabuhan Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor Bahru, semalam.

jung, Muar, menjelajah kesemua 10 daerah di negeri ini dengan perjalanan sejauh 800 kilometer yang ma-

na baginda akan menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, gotong-royong, riadah dan sukan un-

tuk berdamping dengan rakyat.

Konvoi yang disertai kira-kira 30 motosikal berkuasa tinggi dan 40 ken-

daeraan pacuan empat roda itu akan menamatkan penjelajahan di Bangunan Sultan Abu Bakar, Muar, esok.